

SISTEM KEHADIRAN DAN SARINGAN SUHU TANPA KONTAK BERASASKAN INTERNET PELBAGAI BENDA (IPB)

TANG MUNN FAYE
TS. DR. RODZIAH BINTI LATIH

ABSTRAK

Malaysia telah menjejak masuk ke fasa endemik selepas mencatat peningkatan pemulihan situasi Covid-19 dalam negara kebelakangan ini. Sebelum bermulanya pandemik, kehadiran pelajar ke sekolah direkod melalui rekod secara manual namun setelah menjejak masuk ke fasa pandemik, kaedah perekodan kehadiran pelajar telah berubah. Situasi ini telah mengakibatkan kebanyakan sekolah untuk menggunakan strategi dan teknologi digital untuk menjejak kehadiran pelajar dengan lebih baik. Walaupun saringan suhu tidak lagi diwajibkan setelah fasa endemik bermula, saringan suhu tetap digalakkan untuk mengenalpasti pelajar yang kurang sihat dengan kadar segera dan menjaga keselamatan para guru serta pelajar yang lain. Sehubungan dengan itu, sistem ini akan menggabungkan saringan suhu tanpa kontak dalam sistem kehadiran berasaskan pengecaman wajah. Sistem tersebut terdiri daripada sensor suhu inframerah (IR) dan modul kamera yang disambungkan menggunakan *Raspberry Pi*. Penjejukan kehadiran dapat dilakukan secara automatik di samping membolehkan sistem untuk menapis individu yang berpotensi dijangkiti Covid-19. Pembangunan sistem ini bertujuan untuk memastikan keselamatan setiap orang dengan penggabungan kedua-dua sistem kehadiran dan saringan suhu dalam satu sistem. Dengan itu, setiap orang boleh merekod kehadiran dan suhu secara serentak tanpa melupakan salah satu tindakan kerana kedua-dua tindakan tersebut adalah penting bagi penjejukan kontak.

1 PENGENALAN

Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah menjadi cabaran yang besar bagi kesihatan awam sejagat. Untuk membendung wabak ini, pelbagai langkah yang berbeza telah dipraktikkan dan Internet Pelbagai Benda (IPB) merupakan salah satu teknologi penting yang telah dipertimbangkan untuk penularan Covid-19. Beberapa sektor digalakkan beralih kepada penggunaan teknologi IPB seperti dalam sektor perkhidmatan dan kesihatan bagi mengurangkan kontak rapat sesama manusia.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk melindungi dan memastikan keselamatan rakyat bagi mengurangkan penularan Covid-19. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah penjarakan sosial, pemakaian topeng muka di mana-mana premis, sekatan perjalanan rakyat di sempadan negeri dan luar negara, pemantauan sendiri, saringan suhu sebelum memasuki mana-mana premis dan pembatalan majlis dan mesyuarat sosial yang besar. Individu yang mempunyai suhu badan yang tinggi tidak dibenarkan memasuki mana-mana

tempat awam kerana mereka dikira sebagai golongan yang berisiko tinggi dan kluatir akan menyebarkan virus kepada individu yang lain. Dengan ini, saringan suhu untuk setiap individu sebelum memasuki mana-mana tempat awam penting supaya dapat mengenalpasti individu yang bergejala untuk mengekang penularan wabak Covid-19.

1.1 PENYATAAN MASALAH

Perekodan kehadiran dan keputusan saringan suhu merupakan salah satu proses yang amat penting untuk tujuan penjejakan kontak rapat dan memastikan individu tersebut tidak bergejala serta berisiko rendah dalam norma baru. Antara permasalahan yang wujud adalah segelintir pelajar sekolah yang tidak menjalani saringan suhu sebelum memasuki kelas. Hal ini telah membangkitkan permasalahan dari segi pengesanan pelajar yang bergejala kerana tidak mempunyai suatu sistem yang dapat merekod kehadiran dan keputusan saringan suhu pelajar yang hadir ke sekolah secara serentak.

Selain itu, kehadiran semua pelajar ke sekolah secara kapasiti penuh akan menyebabkan sekolah menjadi tempat yang berisiko tinggi untuk jangkitan virus Covid-19. Oleh itu, sekolah-sekolah harus mengaplikasikan teknologi saringan suhu tanpa kontak yang terkini supaya guru-guru dapat mengurangkan kontak dan tidak terdedah dengan perhimpunan pelajar yang mengukur suhu secara serentak.

Dalam masa yang sama, seseorang pelajar berkemungkinan terlupa untuk menjalani saringan suhu ataupun akan mengambil jangka masa yang lebih panjang di pintu kemasukan sekolah sekiranya proses untuk merekod kehadiran dan menjalani saringan suhu dilakukan secara berasingan.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Projek ini bertujuan membangunkan sistem integrasi kehadiran dan saringan suhu tanpa kontak yang bertujuan untuk memudahkan perekodan dan penjejakan kehadiran pelajar ke sekolah dengan lebih efisien menggunakan sistem perekodan kehadiran berasaskan perkhidmatan awan serta memudahkan pengesanan pelajar yang berpotensi dijangkiti Covid-19 dan kurang sihat secara am.

2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Tujuan kajian literatur dijalankan adalah untuk mendapatkan pemahaman tentang penyelidikan yang sedia ada dan perbincangan yang berkaitan dengan sesuatu topik atau bidang pengajian serta membentangkan informasi dan pengetahuan yang didapati hasil daripada kajian literatur dalam bentuk laporan bertulis.

Pelaksanaan kajian literatur dapat membantu membina pengetahuan seseorang dalam bidang yang dipelajari. Selain daripada mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam, konsep penting dan kaedah pembangunan yang digunakan akan dipelajari melalui kajian literatur.

2.1 TEKNOLOGI TANPA WAYAR

Dalam situasi pandemik Covid-19, terdapat beberapa sistem kehadiran tanpa kontak yang telah dibangunkan menggunakan teknologi rangkaian seperti *Bluetooth Low Energy* (BLE), Wi-Fi dan *Radio Frequency Identification* (RFID) ataupun teknologi biometrik seperti pengesanan wajah, pengimbasan cap jari dan pengesanan suara.


Sistem kehadiran pintar menggunakan BLE hanya boleh digunakan dengan peranti yang menyokong Bluetooth (Zoric et al., 2019). Isyarat daripada pemancar kuasa rendah akan disiarkan secara berkala dan isyarat ini adalah pengesanan unik universal yang akan direkodkan oleh aplikasi mudah alih dan perkhidmatan web. Walau bagaimanapun, admin atau yang menggunakan sistem ini perlu mengekstrak data kehadiran secara manual menggunakan aplikasi mudah alih dalam peranti Android yang telah disambungkan ke *beacon* BLE dan mengumpul data daripada sensor.

Sistem kehadiran menggunakan pengimbasan cap jari juga telah diperkenalkan dan diguna pakai di kebanyakan tempat kerja (Alam et al., 2020). Seseorang individu perlu mendaftar cap jarinya ke dalam sistem pangkalan data sebelum menggunakan sistem tersebut untuk merekod kehadiran. Pengimbasan cap jari untuk merekod kehadiran dikira salah satu inovasi yang berjaya dalam menyelesaikan masalah penggunaan sistem kehadiran menggunakan *punch card* di mana kehadiran yang direkod oleh sistem berkemungkinan tidak tepat disebabkan faktor penyalahgunaan sistem.

Selain itu, penggunaan sistem berasaskan RFID juga diguna pakai di sesetengah tempat kerja. Individu yang mempunyai kad imbasan pekerja perlu mengimbas kad mereka terlebih dahulu. Sistem kehadiran berasaskan RFID akan mengesahkan identiti mereka dengan membandingkan informasi yang terkandung dalam kad imbasan pekerja dan pangkalan data yang mempunyai informasi pekerja (Chuah & Thariq, 2017). Salah satu kelemahan sistem ini adalah proses untuk mengenal pasti penyalahgunaan kad imbasan RFID. Oleh yang demikian, sistem kehadiran pengecaman wajah dicadangkan bagi mengekang masalah penyalahgunaan kad imbasan atau kad perakam.

Dalam situasi pandemik Covid-19 yang telah melanda seluruh dunia, terdapat kemunculan pelbagai sistem pemantauan kesihatan seperti termometer inframerah (IR) dan oksimeter yang mudah didapati di pasaran. Pengesanan suhu yang dijalankan melalui pengimbasan terma dengan sensor IR dianggap sebagai teknik yang paling cekap berbanding dengan teknik yang lain kerana memberikan tindak balas yang pantas dan keberkesannya (Ghassemi et al., 2018).

2.2 TEKNOLOGI RASPBERRY PI



Rajah 1 Rajah komponen *Raspberry Pi 4 Model B*

Raspberry Pi merupakan sebuah komputer kos rendah yang bersaiz kad kredit yang telah dilancarkan oleh *Raspberry Pi Foundation* pada tahun 2012 supaya pengguna dapat mempelajari kemahiran pengaturcaraan, membina projek perkakasan, membuat automasi rumah dan meneroka aplikasi industri teknologi komputer (Cox & Johnston, 2017). *Raspberry*

Pi mempunyai pin *general-purpose input and output* (GPIO) yang membenarkan pengguna mengawal komponen elektronik untuk pengkomputeran fizikal dan meneroka Internet Pelbagai Benda (IPB).

Raspberry Pi menggunakan sistem operasi Linux yang merupakan sistem operasi sumber terbuka yang paling terkenal dan paling kerap digunakan. *Raspberry Pi* menggunakan bahasa pengaturcaraan Python yang merupakan *high-level programming language* yang digunakan untuk membangunkan aplikasi graphical user interface (GUI), laman web dan aplikasi web.

Raspberry Pi Foundation juga menyediakan laman web yang mempunyai forum, projek, blog, panduan bantuan, video tutorial dan panduan penyelesaian masalah untuk membantu golongan pengguna yang terdiri daripada pelajar individu, ibu bapa serta guru. Oleh itu, antara sebab *Raspberry Pi* menjadi terkenal dalam kalangan kanak-kanak dan remaja adalah pengguna tidak semestinya perlu mempunyai kemahiran yang mendalam dalam Linux atau Python untuk memulakan sebuah projek menggunakan *Raspberry Pi* kerana tujuan *Raspberry Pi* dilancarkan adalah untuk mengajar penggunaan sistem dan bahasa pengaturcaraan tersebut melalui projek yang menarik menggunakan teknologi ini.

2.3 KAJIAN SISTEM SEDIA ADA

Bahagian ini membincangkan tentang pembangunan sistem sedia ada yang berkaitan dengan sistem kehadiran dan saringan suhu tanpa kontak. Satu kajian dan tinjauan telah dilaksanakan untuk membandingkan sistem yang sedia ada dengan sistem yang akan dibangunkan berkaitan ciri-ciri dan kefungsiannya sistem serta penambahbaikan yang boleh diterapkan dalam sistem kehadiran dan saringan suhu yang akan dibangunkan.

Analisis perbandingan yang merangkumi kelebihan dan kekurangan sistem sedia ada telah dilaksanakan untuk mengenal pasti ciri-ciri dan kefungsiannya sistem. Analisis perbandingan dijalankan ke atas beberapa sistem yang telah dibangunkan.

2.3.1 SISTEM I: CONTACTLESS ATTENDANCE MARKING SYSTEM WITH THERMAL SCREENING USING ARDUINO

Contactless Attendance Marking System with Thermal Screening using Arduino (Bhat & Vamsinandan, 2020) merupakan sebuah sistem kehadiran tanpa kontak dengan saringan haba yang dibangunkan menggunakan Arduino untuk digunakan di fakulti sesebuah universiti. Sistem ini dibahagikan kepada empat modul utama iaitu modul kedekatan objek, modul pengecaman muka, modul pemeriksaan suhu dan modul amaran.

Modul kedekatan objek menggunakan sensor ultrasonik yang bertujuan untuk mengesan pelajar apabila pelajar mendekati peranti tersebut, apabila jarak antara pelajar dan peranti adalah dalam lingkungan yang telah ditetapkan oleh sistem. Modul pengecaman wajah yang menggunakan modul kamera OV7670 akan mengesan wajah pelajar dan menangkap imej pelajar untuk diperiksa dan dibandingkan dengan imej yang sedia ada dalam set data.

Setelah pengecaman wajah pelajar berjaya, modul pemeriksaan suhu yang menggunakan sensor suhu inframerah bertujuan untuk memeriksa suhu badan pelajar. Identiti pelajar, maklumat cap masa dan bacaan suhu akan direkod sekiranya suhu badan pelajar tidak melebihi suhu badan yang telah ditetapkan oleh sistem. Sekiranya suhu badan pelajar adalah lebih tinggi daripada suhu badan normal, penggera akan diaktifkan dan amaran akan dihasilkan.

Akhir sekali, modul amaran bertujuan untuk menghantar mesej amaran kepada pihak fakulti sekiranya imej yang ditangkap oleh sistem dan bacaan suhu adalah lebih tinggi daripada suhu badan normal. Mesej amaran akan dihantar melalui perkhidmatan pesanan ringkas (*Short Message Service, SMS*) dan emel.





Fig 3: System components

Rajah 2 Rajah komponen sistem untuk *Contactless Attendance Marking System with Thermal Screening using Arduino*

2.3.2 SISTEM II: TEMPERATURE BASED TOUCHLESS ATTENDANCE SYSTEM USING NODEMCU AND MLX90614 INFRARED THERMOMETER

Temperature Based Touchless Attendance System Using NodeMCU and MLX90614 Infrared Thermometer (Gotam, 2020) merupakan sebuah sistem pintar pemeriksaan suhu yang dibangun oleh Asis Gotam menggunakan NodeMCU, sensor suhu inframerah MLX90614, pembaca RFID EM18 dan sensor ultrasonik. Sistem ini bertujuan untuk mengukur suhu badan pekerja menggunakan sensor suhu inframerah tanpa kontak, kemudian nama dan bacaan suhu pekerja tersebut akan dihantar ke laman web yang boleh dipantau dari mana-mana sahaja menggunakan Internet.

Apabila jarak antara pekerja dan peranti yang diukur oleh sensor ultrasonik adalah kurang daripada 20cm, pekerja perlu mengimbas kad pada pembaca RFID dan sekiranya kad pekerja adalah kad yang telah diaktifkan, sensor suhu inframerah akan mengukur suhu pekerja tersebut.




Rajah 3 Rajah komponen sistem untuk *Temperature Based Touchless Attendance System Using NodeMCU and MLX90614 Infrared Thermometer*

2.3.3 SISTEM III: CONTACTLESS TEMP CONTROL OF EMPLOYEES ON RFID PASS-THROUGH

Contactless Temp Control of Employees on RFID Pass-Through (Petin, 2020) merupakan sebuah sistem yang dibangun menggunakan Arduino, pembaca RFID RC522, sensor suhu inframerah MLX90614 dan sebuah skrin OLED 0.96" 128x32. Secara ringkas, sistem ini akan mengukur suhu badan pekerja menggunakan sensor suhu inframerah apabila pekerja tersebut mengimbas tag RFID untuk memasuki tempat kerja. Sekiranya suhu badan pekerja tersebut adalah melebihi suhu badan normal, pekerja tersebut tidak akan dibenarkan akses ke tempat kerja.

Selain itu, data seperti nama pekerja, bacaan suhu dan masa ketibaan pekerja ke tempat kerja dapat dilihat melalui laman web syarikat yang dihoskan menggunakan awan. Maklumat pekerja akan dimuat naik ke pangkalan data MySQL setiap hari untuk penyimpanan maklumat pekerja, UID (*User Identification*) dan bacaan suhu pekerja tersebut.



Rajah 4 Rajah komponen sistem untuk *Contactless Temp Control of Employees on RFID Pass-Through*

id	name	uid	relevant
1	Victor Petin	5A4F8B19	yes
2	Sokolova Vera	7AF3BD16	yes
3	Nikolaev Andrei	59E329A3	yes
4	Shkotova Tatyana	E90203A3	yes

Rajah 5 Pangkalan data MySQL untuk menyimpan maklumat pekerja, UID dan bacaan suhu

2.4 PERBANDINGAN SISTEM LEPAS

Ciri-Ciri	Sistem I	Sistem II	Sistem III	Sistem Semasa
Penyimpanan rekod kehadiran dan bacaan suhu	Tidak disimpan dalam pangkalan data	Diakses melalui laman web menggunakan alamat IP NodeMCU	Diakses melalui pangkalan data MySQL	Diakses melalui pangkalan data Amazon DynamoDB
Penggunaan teknologi tanpa wayar	Perekodan kehadiran melalui pengecaman wajah	Penggunaan kad RFID	Penggunaan tag RFID	Perekodan kehadiran melalui pengecaman wajah
Maklumat pada paparan skrin	Bacaan suhu pengguna sahaja	Tidak menggunakan skrin untuk memaparkan maklumat dan bacaan suhu pengguna	Bacaan suhu pengguna sahaja	Maklumat pengguna (ID pengguna, nama, kelas), bacaan suhu dan kategori suhu (rendah, normal, tinggi)


Jadual 1 Perbandingan sistem lepas dan sistem semasa

Jadual 1 menunjukkan perbandingan kelebihan dan kelemahan yang terdapat pada setiap sistem. Antara penambahbaikan yang dilakukan berbanding dengan sistem lepas adalah:

- i. Penggunaan pangkalan data tanpa SQL (*NoSQL database*) dapat memberikan lebih fleksibiliti dan skalabiliti kerana ia memudahkan penyimpanan semua jenis data dan menawarkan keupayaan untuk mengawal kos mengikut perubahan keperluan data.
- ii. Penambahbaikan dari segi antara muka sistem dimana maklumat pengguna seperti ID pengguna, nama dan kelas serta bacaan suhu dan kategori suhu (rendah, normal, tinggi) dipaparkan pada skrin supaya pengguna dapat memastikan bahawa kehadiran dan suhu badan mereka telah berjaya direkod oleh sistem.

3 METOD KAJIAN

Proses pembangunan sistem ini adalah berdasarkan Model Air Terjun (*Waterfall Model*). Model Air Terjun merujuk kepada *linear-sequential life cycle model*. Model ini merupakan model yang mudah untuk difahami dan digunakan. Setiap fasa dalam model air terjun harus diselesaikan terlebih dahulu sebelum memasuki fasa yang seterusnya supaya tidak berlaku pertindihan dalam mana-mana fasa (Taktak et al., 2020).



Rajah 6 Model Air Terjun

3.1 Fasa Perancangan

Perancangan awal dapat memberikan gambaran keseluruhan tentang konsep dan tujuan sistem ini dibangunkan. Untuk projek ini, perancangan awal telah dijalankan untuk membangunkan sebuah sistem berasaskan Internet Pelbagai Benda (IPB) yang menyediakan sebuah sistem perekodan kehadiran dan saringan suhu yang menasaskan pelajar untuk menyenangkan perekodan kehadiran dan penjejakan kontak rapat di sekolah.

3.2 Fasa Analisis

Analisis yang mendalam melalui kajian literatur adalah penting dalam pembangunan sebuah sistem kerana kajian dan perbandingan antara sistem yang serupa dapat membantu mencapai matlamat dan objektif pembangunan sistem ini. Analisis yang dijalankan bertujuan untuk mendapatkan pandangan yang lebih mendalam tentang pembangunan sistem yang hampir serupa.

3.3 Fasa Reka Bentuk

Setiap spesifikasi sistem akan diterangkan dalam fasa ini. Perancangan reka bentuk juga melibatkan reka bentuk seni bina, reka bentuk pangkalan data, reka bentuk algoritma dan reka bentuk antara muka yang sesuai untuk pembangunan sistem ini. Selain itu, rajah kes guna dan rajah jujukan memberikan penerangan dan gambaran grafik tentang interaksi antara unsur-unsur sistem dan aliran kawalan sesebuah sistem untuk menggambarkan pelaksanaan kes penggunaan (Braude, 2001).

Keperluan merangkumi spesifikasi keperluan perkakasan dan perisian serta pengguna sistem.

a) Keperluan Perkakasan

i) Komputer Riba

Jenis (Komputer Riba)	Perincian
Pemprosesan	Intel Core i5-7200U @ 2.50GHz
Kad Grafik	Intel® HD Graphics 620
Sistem Operasi	Windows 10
Jenis Sistem	64-bit Operating System, x64-based processor
Memori (RAM)	12GB
Storan Tempatan	512GB SSD

ii) *Raspberry Pi 4*

Raspberry Pi 4 merupakan sebuah komputer kos rendah yang bersaiz kad kredit. Ia akan mengandungi semua perisian yang diperlukan oleh sistem ini untuk berfungsi sebagai hab operasi utama.

iii) Sensor Suhu Inframerah MLX90614

Sensor MLX90614 merupakan sensor suhu inframerah yang boleh mengukur suhu dengan penentukuran 0.02°C. Sensor ini akan digunakan untuk mengukur suhu badan pengguna.

iv) Monitor HP FHD M22F

Monitor FHD berjenama HP yang mempunyai paparan 21.5 inci dan resolusi FHD (*Full High Definition*) 1920 x 1080 untuk memaparkan imej dan video. Monitor ini digunakan untuk memaparkan imej pengguna, maklumat asas pengguna, rekod kehadiran dan rekod suhu badan pengguna.

v) Modul Kamera *Raspberry Pi*

Modul kamera *Raspberry Pi* mempunyai resolusi 5 megapiksel dapat menghasilkan saiz dan kualiti imej yang jelas. Modul kamera ini akan digunakan untuk mengimbas muka dan mengecam wajah pengguna.

vi) Modul Sensor Inframerah

Modul sensor inframerah berfungsi dalam julat jarak antara 2cm hingga 10cm yang boleh dilaras menggunakan *potentiometer* yang terdapat pada modul sensor tersebut. Modul sensor inframerah digunakan untuk mengukur jarak antara pengguna dan peranti.

b) Keperluan Perisian

i) OpenCV

OpenCV merupakan platform sumber terbuka yang merangkumi pelbagai jenis bahasa pengaturcaraan seperti C++, Python dan Java. Ia akan digunakan untuk pengesanan muka pengguna.

ii) Amazon Rekognition

Amazon Rekognition merupakan perisian berasaskan awan yang menawarkan servis *computer vision* (CV) untuk menganalisis gambar atau video. Ia akan digunakan untuk menganalisis dan mengecam wajah pengguna.

iii) Amazon DynamoDB

Amazon DynamoDB merupakan sistem pangkalan data NoSQL proprietari terurus yang menyokong struktur data dan perkhidmatan awan berasaskan nilai-kunci (*key-value*). Penggunaan sistem pangkalan data berasaskan perkhidmatan awan adalah untuk memudahkan pengoperasian dan penskalaan pangkalan data dalam awan. Ia juga berfungsi untuk memudahkan tugas-tugas pentadbiran seperti pemantauan data.


3.4 Fasa Implementasi

Spesifikasi perkakasan dan perisian yang akan digunakan dalam pembangunan sistem ditentukan sebelum fasa implementasi. Proses pembangunan sistem akan dimulakan berdasarkan perincian sistem yang telah ditentukan dalam fasa analisis dan fasa reka bentuk.

Sistem Kehadiran dan Saringan Suhu Tanpa Kontak berasaskan IPB dibangunkan menggunakan bahasa pengaturcaraan Python melalui *Raspberry Pi 4*. Sistem ini menggunakan perisian *Amazon Web Services (AWS)* dan perpustakaan rujukan daripada sumber terbuka seperti *OpenCV* versi 4.5 serta *Boto3*.

a) Pendaftaran Penggunaan *Amazon Web Services (AWS)*

Amazon Web Services (AWS) menyediakan pelbagai servis dan perisian berasaskan awan. Akaun pentadbir perlu didaftarkan terlebih dahulu supaya mendapat akses penuh untuk menggunakan dan mengendalikan perisian yang akan digunakan seperti *Amazon Rekognition* dan *Amazon DynamoDB* serta perpustakaan rujukan daripada sumber terbuka seperti *Boto3*.



Rajah 7 Pengurusan identity dan akses *Amazon Web Services*


b) Fasa Pengecaman Wajah Pengguna

Rajah 8 menunjukkan kod aturcara penangkapan potret pengguna untuk tujuan pengecaman wajah (Amazon AWS, 2015). Secara ringkasnya, pengguna perlu menetapkan muka di depan modul kamera supaya peranti dapat menangkap gambar muka pengguna. Gambar tersebut akan dihantar ke Amazon Rekognition supaya dapat melatih sistem untuk mengecam wajah pengguna.

```
183 # loop over frames from the video stream
184 while True:
185     # grab the frame from the threaded video file stream
186     frame = vs.read()
187     # show the frame
188     cv2.imshow("Frame", frame)
189
190     key = cv2.waitKey(1) & 0xFF
191
192     # press s to send image to rekognition so that it will learn.
193     if key == ord("s"):
194         index_faces("Faye") # change name here
195
196     # press p to create collection
197     if key == ord("p"):
198         create_collection()
199
200     # press l to get list of collection
201     if key == ord("l"):
202         list_collection()
203
204     # press c to capture image
205     if key == ord("c"):
206         cv2.imwrite("frame.jpg", frame) # save frame as JPEG file
207
208     # if the `q` key was pressed, break from the loop
209     if key == ord("q"):
210         break
211
212 # do a bit of cleanup
213 cv2.destroyAllWindows()
214 vs.stop()
```

Rajah 8 Kod aturcara penangkapan potret pengguna

Rajah 9 merupakan antara muka sistem ketika penangkapan potret pengguna untuk melatih sistem dan menghantar gambar yang ditangkap ke *Amazon Rekognition* untuk tujuan pengecaman wajah pengguna.



Rajah 9 Antara muka proses penangkapan gambar pengguna

Rajah 10 menunjukkan hasil latihan sistem untuk mengecam wajah pengguna setelah gambar yang ditangkap oleh sistem dihantar ke *Amazon Rekognition*.

```
Shell
Python 3.7.3 (/usr/bin/python3)
>>> %cd /home/pi/Desktop/FYE
>>> %Run basic_rekognition.py

[INFO] starting video stream thread...
{'FaceRecords': [{'Face': {'FaceId': 'b1475153-32f1-442e-8e2d-1759270e387e', 'BoundingBox': {'Width': 0.3631843626499176, 'Height': 0.647912323474884, 'Left': 0.1808488816022873, 'Top': 0.2459479719400406, 'ImageId': '6102b41d-2e2a-3fa6-998d-bb98a154d540', 'ExternalImageId': 'Faye', 'Confidence': 99.99982452392578, 'FaceDetail': {'BoundingBox': {'Width': 0.3631843626499176, 'Height': 0.647912323474884, 'Left': 0.1808488816022873, 'Top': 0.2459479719400406, 'Landmarks': [{'Type': 'eyeLeft', 'X': 0.26641175150871277, 'Y': 0.47715136408805847}, {'Type': 'eyeRight', 'X': 0.4330863356590271, 'Y': 0.47207874059677124}, {'Type': 'mouthLeft', 'X': 0.2789793014526367, 'Y': 0.7050975561141968}, {'Type': 'mouthRight', 'X': 0.41779789328575134, 'Y': 0.7010166645050049}, {'Type': 'nose', 'X': 0.3400702178478241, 'Y': 0.5703485012054443}], 'Pose': {'Roll': -0.40475699305534363, 'Yaw': -4.712714672088623, 'Pitch': 12.052655220031738}, 'Quality': {'Brightness': 15.890298843383789, 'Sharpness': 26.1773681640625}, 'Confidence': 99.99982452392578}}, 'FaceModelVersion': '6.0', 'UnindexedFaces': [], 'ResponseMetadata': {'RequestId': 'a41d2a20-dc1e-4e81-996c-0db4f1529b26', 'HTTPStatusCode': 200, 'HTTPHeaders': {'x-amzn-requestid': 'a41d2a20-dc1e-4e81-996c-0db4f1529b26', 'content-type': 'application/x-amz-json-1.1', 'content-length': '1022', 'date': 'Wed, 18 May 2022 14:00:36 GMT'}, 'RetryAttempts': 0}}]}
>>>
```

Rajah 10 Hasil latihan sistem untuk mengecam wajah pengguna

c) Fasa Pengukuran Suhu Pengguna

Rajah 11 menunjukkan kod aturcara pengukuran suhu badan pengguna untuk menentukan sama ada suhu badan pengguna adalah rendah, normal ataupun tinggi ketika ukuran suhu badan. Suhu badan yang rendah adalah 35.4 darjah Celsius dan kebawah manakala suhu badan yang berada dalam lingkungan 35.5 hingga 37.5 darjah Celsius merupakan suhu badan manusia yang normal dan suhu badan yang melebihi 37.5 darjah Celsius dikira sebagai suhu badan yang tinggi. Suhu badan pengguna juga dapat dibezakan melalui tiga warna iaitu warna kuning untuk suhu badan yang rendah dan hijau untuk suhu badan yang normal serta merah untuk suhu badan yang tinggi.

```

while True:
    frame = vs.read()
    if irSensor.is_pressed and capture_temp_flag == 0:
        sensor = MLX90614()
        bodyTemp = sensor.get_obj_temp()
        capture_temp_flag = 1

        if bodyTemp <= 35.4:
            bodyTempStatus = "Low"
            bodyTempColor = [51,255,255] # light yellow
        elif bodyTemp > 35.4 and bodyTemp <= 37.5:
            bodyTempStatus = "Normal"
            bodyTempColor = [50,205,50] # lime green
        else:
            bodyTempStatus = "High"
            bodyTempColor = [0,69,255] # orange red

        print("Body Temperature Capture")
        print("Please stay in front of camera for 10 frames")
        print("BodyTemp: " + str(bodyTemp))

```

Rajah 11 Kod aturcara pengukuran suhu badan pengguna

Rajah 12 menunjukkan hasil bacaan suhu badan pengguna ketika pengguna mendekati sensor suhu inframerah tersebut.


```

Shell
Body Temperature Capture
Please stay in front of camera for 10 frames
BodyTemp: 37.010000000000005
Body Temperature Capture
Please stay in front of camera for 10 frames
BodyTemp: 37.250000000000006
Body Temperature Capture
Please stay in front of camera for 10 frames

```

Rajah 12 Hasil bacaan suhu badan pengguna

Rajah 13 menunjukkan antara muka sistem untuk pengguna yang berdaftar dan berjaya merekod kehadiran serta suhu badan yang normal.



Rajah 13 Antara muka sistem untuk perekodan kehadiran dan suhu badan pengguna

3.5 Fasa Pengujian

Sistem yang telah selesai dibangunkan akan diuji dari segi keberkesanan dan kegunaannya untuk berfungsi seperti yang dinyatakan dalam objektif kajian. Ralat dan kesilapan yang dapat dikesan semasa fasa pengujian perlu diperbaiki supaya sistem dapat berfungsi dengan lancar. Setelah pembaikan sistem dilaksanakan, pengujian perlu diulangi beberapa kali untuk memastikan ralat dan kesilapan telah diperbaiki dan tidak lagi menjejaskan kefungsi sistem.

3.5.1 Pengujian Fungsian

3.5.1.1 Kes Pengujian

ID Kes Pengujian	Penerangan	Kriteria Lulus	Kriteria Gagal
TC001-01	Pendaftaran Pengguna – Aliran Utama	Sistem akan mengimbas wajah pengguna dan memaparkan mesej pengguna berjaya didaftarkan.	Sistem tidak dapat mendaftarkan pengguna baharu.

Jadual 1 Kes Pengujian untuk Pendaftaran Pengguna

ID Kes Pengujian	Penerangan	Kriteria Lulus	Kriteria Gagal
TC002-01	Pengguna Melakukan Imbasan Muka – Aliran Utama	Mesej kehadiran yang berjaya direkodkan akan dipaparkan oleh sistem.	Sistem tidak dapat mengimbas muka pengguna yang berdaftar.
TC002-02	Pengguna Melakukan Imbasan Muka – Aliran Alternatif	Mesej pengguna yang tidak berdaftar akan dipaparkan dan kehadiran tidak akan direkod.	Sistem dapat mengimbas muka pengguna yang tidak berdaftar dan merekod kehadiran pengguna tersebut.

Jadual 2 Kes Pengujian untuk Pengguna Melakukan Imbasan Muka

ID Kes Pengujian	Penerangan	Kriteria Lulus	Kriteria Gagal
TC003-01	Pengguna Mengukur Suhu Badan – Aliran Utama	Mesej ukuran suhu yang normal akan dipaparkan oleh sistem.	Mesej ukuran suhu yang normal tidak dipaparkan.
TC003-02	Pengguna Mengukur Suhu Badan – Aliran Alternatif	Jika ukuran suhu pengguna rendah, mesej ukuran suhu rendah akan dipaparkan.	Mesej ukuran suhu yang rendah tidak dipaparkan.
TC003-03	Pengguna Mengukur Suhu Badan – Aliran Alternatif	Jika ukuran suhu pengguna tinggi, mesej ukuran suhu tinggi akan dipaparkan.	Mesej ukuran suhu yang tinggi tidak dipaparkan.

Jadual 3 Kes Pengujian untuk Pengguna Mengukur Suhu Badan

ID Kes Pengujian	Penerangan	Kriteria Lulus	Kriteria Gagal
